

## 123 Produk Penyelidikan Dikomersialkan, Nilai Cecah RM155 Juta



KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Sebanyak 123 daripada 150 produk telah dikomersialkan dengan nilai hasil pengkomersialan sebanyak RM155 juta sehingga 30 Nov ini, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.

Beliau berkata kejayaan itu dicapai hasil kerjasama 25 agensi dan institusi pengajian tinggi di bawah sembilan kementerian yang menguruskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) selaras dengan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY'16).

"Tahun ini, sasaran kita adalah produk-produk seperti yang berkaitan dengan elektronik dan produk berasaskan sains dan teknologi. Produk ini akan menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) khas sempena MCY 2016."

"Pada masa akan datang, kita akan lihat produk berasaskan sektor perkhidmatan yang sangat memberi impak dan telah dihasilkan oleh Cyber Security Malaysia. Perkhidmatan ini memerlukan lebih ramai pembela siber daripada serangan dan ancaman siber."

"Kita memerlukan individu yang mempunyai bakat dan keupayaan dalam bidang ini dan kita merancang untuk mendapatkan 10,000 pembela siber dalam tempoh empat tahun menjelang 2020 di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada sidang kemuncak MCY 2016 disini, hari ini.

MCY2016 merupakan inisiatif bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kewangan (MOF), bertujuan memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran mengenai pengkomersialan R&D dan impaknya kepada pembangunan negara.

Dengan pengkomersialan produk-produk R&D tempatan itu, produk-produk inovatif berkualiti tinggi dapat dihasilkan yang dapat menembusi pasaran luar negara dan mewujudkan jenama Malaysia.

Sebelum ini dilapor, pelbagai produk menarik dihasilkan termasuk 'Quantrum Brake Pad', iaitu produk pad brek mesra alam yang dicipta SIRIM (Bhd) dan 'MyPhone' yang merupakan kad caj telefon yang diletakkan di sekolah supaya anak-anak tidak perlu bawa telefon.

Produk lain adalah Ujian Integriti Malaysia, Sistem Kunci Pintar, inovasi Trimethylolpropane Ester hasil kerjasama Universiti Putra Malaysia dan D20 Resources Sdn Bhd; Digital Forest Treebok oleh Cube Global Sdn Bhd, dan SimBionTeA oleh SIRIM.

Madius berkata perkhidmatan berasaskan pertahanan siber sangat diperlukan di dalam dan luar negara, oleh itu pihaknya melipatgandakan lagi latihan dan inovasi dalam memenuhi keperluan tersebut.

Menyentuh mengenai MCY2016, Madius berkata pada masa depan, inisiatif tersebut akan mewujudkan kerjasama kukuh dalam menyelesaikan masalah dan keperluan yang dibangkitkan pemain industri.

"Kita perlu meningkatkan jalinan dan jaringan yang ada kaitan dengan sains, teknologi dan inovasi di negara ini. Tidak mustahil ia akan menjadi budaya dalam aktiviti R&D yang membawa kejayaan dan pembangunan mapan untuk usahawan dan penyelidik negara," katanya.

Madius berkata pihaknya berperanan sebagai pusat sehati untuk industri sains, teknologi dan inovasi negara namun kementerian tidak boleh bergerak bersendirian dan memerlukan kerjasama strategik daripada kementerian lain dalam memastikan hala tuju mereka berada di landasan yang tepat.

Dalam pada itu, Madius berkata enam anugerah utama bagi 'Anugerah MCY 2016' dengan nilai keseluruhan RM1 juta berjaya direbut peserta-peserta yang bertanding terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi yang telah memberi sepenuh komitmen untuk menghasilkan produk-produk bagi dikomersialkan.

Katanya, Technology Park Malaysia merangkul tiga anugerah iaitu Pemenang Terbaik Keseluruhan, Anugerah Pencapaian Pengkomersialan dan Anugerah Usahawan Penyelidik.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pula menggondol dua anugerah iaitu Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan serta Anugerah Usahawan Sosial.

Anugerah Usahawan Inovator Baharu pula dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM50,000 hingga RM250,000.

-- BERNAMA